



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

KSM DAN PERKESO LANCAR MISI BANTUAN PRIHATIN BANTU MANGSA BANJIR DI RAUB

1. Prihatin dengan nasib malang yang menimpa mangsa banjir susulan hujan lebat sejak awal bulan ini, **Kementerian Sumber Manusia (KSM)** bersama agensinya, **Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)** telah melancarkan **Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Misi Bantuan Prihatin** khusus kepada mangsa banjir di daerah Raub, Pahang.
2. Misi Bantuan Prihatin ini bertujuan untuk membantu dan meringankan beban mangsa banjir termasuk mereka yang telah dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di **Dewan Serbaguna Gali Hilir, Raub**.
3. Sehingga **10 Januari 2021**, sebanyak **65 keluarga** melibatkan **217 mangsa banjir** telah ditempatkan di PPS berkenaan. Keluarga-keluarga terbabit merupakan penduduk daripada **empat (4)** kawasan yang terjejas akibat banjir di sekitar Raub iaitu Kampung Sungai Pasu, Kampung Gali Hilir, Kampung Gali Tengah dan Cheroh.
4. Keseluruhannya, **90 keluarga** melibatkan **322 orang** mangsa banjir dari kawasan berhampiran menerima sumbangan di bawah Misi Bantuan Prihatin ini.
5. Sumbangan telah disampaikan oleh saya sebagai Menteri Sumber Manusia, dengan diiringi Ketua Eksekutif PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed, ADUN Dong, YB Dato Sri Haji Shahiruddin Bin Ab Moin, Ketua Penolong Pegawai Daerah Raub, Encik Khairul Fahmi Bin Yusuf dan Pengarah PERKESO Negeri Pahang, Tuan Haji Tarmizi Bin Mukhtar.
6. Antara bantuan yang diberikan kepada setiap keluarga adalah sumbangan kewangan, makanan dan minuman serta barangan kelengkapan asas seperti pakaian, tuala dan kain sejadah.
7. Misi Bantuan Prihatin dengan kerjasama Pejabat Daerah dan Tanah Raub ini juga melibatkan sekurang-kurangnya **35 orang** sukarelawan daripada kalangan anggota PERKESO dari Ibu Pejabat dan Pejabat PERKESO di seluruh negeri Pahang.
8. Sehingga **9 Januari 2021**, negeri Pahang merekodkan seramai **26,236 mangsa** banjir daripada **7,187 keluarga** yang telah ditempatkan di **292 PPS** di **sembilan (9)** daerah. Bagi daerah Raub sahaja, sebanyak **51 PPS** telah dibuka yang menempatkan seramai **1,998 mangsa** melibatkan **529 keluarga**.
9. Menurut portal rasmi Public InfoBanjir (<https://publicinfobanjir.water.gov.my>) Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, **enam (6)** sungai di negeri Pahang masih berada di tahap bahaya termasuklah Sungai Pahang di Lubuk Paku, Sungai Jempol di Ran Felde Jengka dan Sungai Bera.
10. KSM berharap sumbangan yang dihulurkan ini dapat sedikit sebanyak membantu mengurangkan beban perbelanjaan penduduk yang terjejas akibat bencana banjir dan membantu mereka kembali kepada kehidupan seperti sedia kala dengan segera.

DATUK SERI M. SARAVANAN
MENTERI SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
11 JANUARI 2021